

# TATACARA KERJA SELAMAT BAGI AKTIVITI PEMBERSIHAN LANTAI

## POTENSI HAZARD

- Pengulangan Pergerakan (repetitive)
- Percikan/ Tumpahan bahan kimia
- Postur badan yang janggal
- Tergelincir, tersadung dan jatuh

## PPE DAN PAPAN TANDA YANG DIPERLUKAN



## SENARAI SEMAK SEBELUM MEMULAKAN AKTIVITI PEMBERSIHAN LANTAI

1. Bagi aktiviti pembersihan rutin, pilih peralatan pembersihan yang sesuai dengan pekerja yang dilantik bagi memastikan keselesaan semasa bekerja terutama dari aspek cengkaman pada pemegang mop, kelenturan mop dan daya yang diperlukan untuk memerah mop.
2. Periksa peralatan pencucian seperti mop, bekas sabun, tanda amaran dan peralatan perlindungan diri bagi memastikan semua peralatan tersebut berada dalam keadaan yang baik untuk digunakan.
3. Meminimumkan aktiviti mengangkat bebanan yang berat dan menggunakan bantuan peralatan bagi aktiviti mengangkat. (contoh; menggunakan bekas sabun yang beroda)
4. Pastikan kawasan kerja berada dalam keadaan selamat, bebas daripada hazard terjatuh dan halangan yang tidak selamat.
5. Membancuh bahan pencucian secara selamat dengan mengikut spesifikasi pengeluar bahan pencucian.

## SENARAI SEMAK SEMASA AKTIVITI PEMBERSIHAN LANTAI

1. Sebelum memulakan aktiviti pembersihan lantai, pastikan tanda amaran lantai licin diletakkan di sekitar kawasan kerja bagi memberi peringatan kepada pengguna bahawa keadaan lantai licin dikawasan tersebut.
2. Mulakan mop pemukaan lantai secara berhadapan dan bergerak ke belakang secara perlahan – lahan bagi mengurangkan penggerakan di dalam kawasan lantai yang basah.
3. Pastikan pemukaan lantai kering sepenuhnya sebelum tanda amaran dialihkan.
4. Mop kawasan yang boleh dicapai sahaja dalam satu masa bagi mengelakkan tergelincir.
5. Sering bertukar tangan yang memegang peralatan pencucian bagi mengelakkan ketegangan pada tangan.

## HOUSEKEEPING

1. Keringkan sisa banchuan sabun pencucian didalam bekas sabun melalui salur keluar air yang terdapat pada bekas tersebut bagi mengelakkan perlu mengangkat bebanan yang berat.
2. Periksa kawasan kerja agar berada dalam keadaan selamat dan kemas sebelum meninggalkan kawasan kerja.
3. Periksa semua peralatan pencucian dan alatan perlindungan diri sebelum disimpan ditempat yang sesuai.